

01 DEC 1999

Pemuda-Resolusi

PEMUDA TERENGGANU GARIS TIGA FAKTOR PUNCA KEKALAHAN

KUALA TERENGGANU, 1 Dis (Bernama) -- Pergerakan Pemuda UMNO Terengganu hari ini menggariskan tiga faktor utama yang menjadi punca kekalahan mengejut Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum ke-10, Isnin lepas.

Ketuanya, Abdul Rahin Mohd Said berkata tiga faktor itu ialah mengekalkan kepimpinan yang lama, pengundi luar dan logistik parti.

Beliau berkata perkara itu diputuskan pada mesyuarat perhubungan Pemuda UMNO negeri di sini, petang ini, yang dihadiri oleh semua ketua pemuda bahagian kecuali Dr Ramli Taib (Kemaman) dan Zainuddin Abu Bakar (Hulu Terengganu).

"Resolusi Pemuda mengenai faktor itu akan dihantar kepada Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad), timbalannya (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) dan pemangku Ketua Pemuda UMNO Malaysia (Datuk Hishamuddin Tun Hussin) malam ini juga," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat itu petang ini.

Beliau berkata resolusi itu diputuskan hasil maklum balas daripada anggota parti di peringkat bawah.

Abdul Rahin berkata ketiga-tiga sebab itu telah mewujudkan undi protes di kalangan anggota parti dan pengundi pada pilihan raya umum itu.

Ketika ditanya sama ada kedudukan bekas Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad selaku Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri yang terlalu lama menerajui kerajaan negeri, beliau berkata perkara itu juga adalah sebahagian daripada apa yang telah dibangkitkan.

"Kita tak nafi langkah mengekalkan pemimpin lama sebagai calon merupakan punca kekalahan, tetapi pada masa yang sama kita juga perlu menerima pemimpin lama," katanya tanpa mengulas lanjut mengenai perkara itu.

Ketika ditanya apakah Pemuda UMNO negeri akan membuat desakan supaya Wan Mokhtar mengundur diri dari memimpin UMNO negeri, Abdul Rahin berkata perkara itu terpulang kepada pucuk pimpinan parti.

Beliau berkata Pemuda juga masih menunggu laporan Jawatankuasa post mortem yang dipengerusikan oleh Datuk Abdul Rashid Ngah sebelum tindakan lanjut diambil termasuk mengemukakan petisyen di mahkamah jika perlu.

Menurut beliau jentera Pemuda masih kuat dan akan terus digerakkan bagi memastikan BN kembali berkuasa di Terengganu pada pilihan raya akan datang.

-- BERNAMA

AYB zb